



SIARAN AKHBAR

PNS RAI 30 ORANG KANAK-KANAK ASNAF SEMPENA PROGRAM AMAL BULAN RAMADAN

BANGSAR SOUTH, 1 Jun 2018 – Seramai 30 kanak-kanak asnaf berusia daripada 7 sehingga 12 tahun daripada Sekolah Kebangsaan Bangsar diraikan sempena program 'Shopping Raya 2018' anjuran Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang diadakan hari ini.

Kesemua kanak-kanak asnaf dibawa ke Jakel, Shah Alam bagi mencari barang kelengkapan perayaan Aidilfitri. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini merupakan program tahunan yang dijalankan oleh PNS bagi membantu golongan kurang berkemampuan untuk turut merasai kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Pada program ini, setiap kanak-kanak menerima barangan kelengkapan Aidilfitri seperti pakaian, sampin, pin tudung, tudung dan songkok. Kanak-kanak asnaf ini turut ditemani oleh warga kerja PNS untuk mencari barangan kelengkapan tersebut. Keseronokan membeli kelengkapan Aidilfitri jelas terpancar pada wajah mereka semua.

Seusai pembelian barangan kelengkapan raya, program diteruskan dengan majlis berbuka puasa di Masjid Ar-Rahah, Bangsar South bersama warga kerja PNS dan kariah masjid seramai 900 orang. Kanak-kanak asnaf ini menerima sumbangan duit raya yang disampaikan oleh Pengarah Urusan PNS, YBhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin. Pada program tersebut juga turut dijalankan program ilmiah seperti tazkirah Ramadan dan solat terawikh berjemaah.

Pengarah Urusan PNS, YBhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin berkata "Tahun ini PNS meneruskan lagi tradisi pemberian sumbangan barangan keperluan dan duit raya bagi membantu golongan asnaf dan

golongan kurang berkemampuan. Bantuan ini diberikan bagi memastikan mereka berpeluang meraikan Hari Raya Aidilfitri seperti kanak-kanak lain. Mereka ini bukan sahaja berpeluang berbuka puasa dengan juadah istimewa, malah menerima barang keperluan Aidilfitri berjumlah RM250 dan sumbangan duit raya RM 100 seorang. Saya ingin menekankan bahawa PNS tidak hanya memfokuskan cabang utama PNS dalam pembangunan francais, malah PNS turut prihatin berkaitan hal kebajikan masyarakat.”

“Seperti program-program CSR terdahulu, PNS sentiasa mengambil berat dengan nasib golongan yang memerlukan. Semoga usaha kecil yang dijalankan diharap dapat memberi kegembiraan dan keceriaan kepada kanak-kanak ini bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.” tambah beliau.

Sila hubungi Puan Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat untuk urusan media melalui emel hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.